## JMJ FOOD & BEVERAGES SDN BHD lwn. MOHAMAD ZUKRILLAH ISMAIL & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI PK
[GUAMAN SIVIL NO: 22NCVC-147-09-2013]
31 JANUARI 2015

***TORT:*** *Pencerobohan – Remedi – Pemeriksaan oleh penguatkuasa di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 – Sama ada pemeriksaan dibuat menurut undang-undang – Sama ada penguatkuasa memasuki premis plaintif secara wajar – Sama ada terjumlah kepada satu pencerobohan – Akta Perihal Dagangan 2011, s. 40*

Bertindak atas satu aduan melalui surat layang yang diterima oleh Jabatan Agama Islam Perak ('JAIPk'), pihak JAIPk bersama-sama dengan Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Perak ('PPDNKKP') dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ('JAKIM') telah mengadakan satu operasi bersepadu bagi menjalankan pemeriksaan ke atas premis Tandoor Grill ('TG') milik plaintif yang diadu menawarkan promosi buffet Ramadhan walaupun ia bukan restoran bertaraf halal. Dalam pemeriksaan premis TG tersebut, pasukan operasi telah menjumpai banner yang dipamerkan di hadapan premis TG yang tertera perkataan "Nikmati Juadah Berbuka Puasa Bersama Tandoori Grill Sepanjang Ramadan Ini" serta risalah-risalah 'Ramadhan Buffet' di kaunter hadapan TG. Selain itu turut ditemui minuman keras yang diletakkan bersekali dangan minuman lain di satu sudut yang berupa mini bar di kawasan kaunter dalam premis TG. Minuman keras juga dijumpai di dalam peti sejuk di bahagian dapur premis TG. Turut hadir adalah pemberita yang dijemput oleh JAIPk. Pasukan operasi telah menyita banner dan risalah-risalah tersebut sebagai barang kes untuk tindakan lanjut. Pengarah plaintif ('SP1') turut berada di premis TG semasa pemeriksaan tersebut dan mengiringi pasukan operasi di sepanjang pemeriksaan. SP1 telah menandatangani dokumen lawatan dan borang sitaan yang disediakan pegawai penguatkuasa dari PPDNKKP. Plaintif bagaimanapun telah mendakwa bahawa defendan-defendan, yang terdiri antara lainnya, daripada pegawai penguatkuasa dari JAIPk, PPDNKKP dan JAKIM, telah secara *mala fide* melakukan pencerobohan ke atas TG dan telah menyebabkan plaintif mengalami kerosakan dan kecederaan serta kehilangan reputasi. Defendan-defendan telah menafikan dakwaan plaintif dan menegaskan bahawa pada setiap masa yang berkenaan mereka telah memasuki TG dengan menggunakan kuasa yang ada di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan. Isu yang perlu ditentukan mahkamah adalah sama ada tindakan defendan-defendan, yang memasuki premis TG pada hari kejadian, adalah secara *mala fide*, terjumlah kepada satu pencerobohan dan dengan itu bertanggungan ke atas kerosakan dan kecederaan yang dialami plaintif.

**Diputuskan (menolak tuntutan plaintif dengan kos):**

**(1)** Berdasarkan keterangan pihak defendan, adalah jelas tujuan operasi adalah bagi menjalankan pemeriksaan di premis TG setelah JAIPk mendapat aduan. Tiga agensi kerajaan bergabung menjalankan pemeriksaan. Sekiranya benar SP1 melarang defendan-defendan dari memasuki premis TG sekalipun, undang-undang, iaitu s. 40 Akta Perihal Dagangan 2011 memberi kuasa kepada Penolong Penguatkuasa PPDNKKP untuk masuk membuat pemeriksaan. Tingkah laku SP1 yang turut mengiringi pasukan pemeriksa masuk ke dalam premis TG menyokong keterangan SD3 dan SD5 yang mengatakan telah mendapat kebenaran untuk masuk menjalankan pemeriksaan. Oleh itu, persoalan sama ada defendan pertama hingga kesembilan telah melakukan pencerobohan apabila masuk membuat pemeriksaan hendaklah dijawab secara negatif. (perenggan 21)

**(2)** Plaintif perlu membuktikan defendan-defendan bertindak secara *mala fide* dengan jelas. Bagi menentukan sama ada premis yang tiada sijil halal mempamerkan dirinya sebagai sebuah restoran halal atau tidak, sudah pastinya pemeriksaan secara fizikal perlu diadakan. Semakan atas talian hanya boleh menunjukkan status sesebuah premis makanan itu sahaja dan bukannya boleh menentukan soal pematuhan. Walau apa pun tafsiran yang diberikan oleh pihak plaintif, banner dan risalah yang disita adalah merupakan iklan yang mempelawa orang beragama Islam untuk datang makan di TG. Oleh itu, pemeriksaan yang dijalankan defendan pertama hingga kesembilan adalah wajar dan dibenarkan oleh undang-undang. (perenggan 22 & 24)

**(3)** Walaupun tindakan JAIPk menjemput pihak media bukanlah satu tindakan yang wajar, adalah didapati bahawa niat jemputan tersebut bukannya untuk memalukan plaintif tetapi hanya satu tindakan bagi mengingatkan orang beragama Islam supaya lebih berwaspada. Oleh itu, tindakan tersebut bukannya terjumlah kepada perbuatan *mala fide* yang menyebabkan pemeriksaan yang dijalankan boleh dianggap sebagai pencerobohan. (perenggan 25)

**(4)** Mahkamah perlu berhati-hati menilai sesuatu tindakan pihak yang diberikan kuasa di bawah undang-undang supaya kuasa tersebut tidak disalah gunakan. Walaupun begitu, adalah didapati tidak wujud keadaan yang boleh menunjukkan pihak defendan pertama hingga kesembilan melangkaui kuasa yang ada pada mereka. Mereka hanya menjalankan pemeriksaan untuk memastikan pematuhan undang-undang setelah menerima aduan daripada orang awam. Tidak dibuktikan bahawa wujud ketetapan bagi pihak JAIPk, KPDNKKP atau JAKIM hanya boleh bertindak berdasarkan aduan yang dibuat secara rasmi dengan adanya nama, nombor kad pengenalan dan alamat pengadu sahaja. Pihak berkuasa berkenaan boleh memulakan pemeriksaan atau penyiasatan ke atas sesuatu aduan yang diterima mengikut budi bicara pihak tersebut. (perenggan 26-27)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Ahmad Azam Mohamad Salleh & Ors v Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia & Ors [2004] 4 MLJ 86* ***(dirujuk)***

*Anne Lim Keng See v. The New Straits Times Press (M) Bhd & Anor And Other Appeals [2008] 6 CLJ 697 CA* ***(dirujuk)***

*Bukit Lenang Development Sdn Bhd v. Telekom Malaysia Bhd & Ors (No 2) [2014] 6 CLJ 713 HC* ***(dirujuk)***

*Datuk Seri Ahmad Said Hamdan & Ors v. Tan Boon Wah [2010] 6 CLJ 142 CA* ***(dirujuk)***

*Empayar Canggih Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia & Anor [2010] 9 CLJ 46 HC* ***(dirujuk)***

*Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Minister of Home Affairs), Malaysia [1969] 1 LNS 65 FC* ***(dirujuk)***

*Oakfield Enterprises Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd [1998] MLJU 70* ***(dirujuk)***

*One Visa Sdn Bhd v. Telekom Malaysia Bhd [2014] 1 LNS 396 HC* ***(dirujuk)***

*Pengarah Tanah Dan Galian, Wilayah Persekutuan v. Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd [1978] 1 LNS 143 FC* ***(dirujuk)***

*Tan Wee Choon v. Ong Peck Seng & Anor [1985] 1 CLJ 478; [1985] CLJ (Rep) 798 HC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Evidence Act 1950, s. 101

Trade Descriptions Act 2011, s. 40

*Bagi pihak plaintiff - KB Tan (Nur Syazwani Shabudin bersamanya); T/n KB Tan Kumar & Partners*

*Bagi pihak defendan-defenden - Zureen Elina Mohd Dom; Peguam Kanan Persekutuan*

*Dilaporkan oleh Lyana Shohaimay*

## PENGHAKIMAN

### Che Mohd Ruzima Ghazali PK:

### Pendahuluan

**[1]** Plaintif adalah merupakan tuan punya sebuah restoran yang dikenali sebagai Tandoor Grill (TG) yang menjalankan perniagaan di No. 9, Jalan Chin Choon Sam, Greentown, Ipoh, Perak. Plaintif mendakwa pihak defendan-defendan telah secara *mala fide* melakukan pencerobohan ke atas TG dan telah menyebabkan plaintif mengalami kerosakan dan kecederaan serta kehilangan reputasi. Plaintif telah menuntut ganti RM2 juta rugi am, RM2 juta ganti rugi teladan, permohonan maaf, faedah di atas ganti rugi dan kos tindakan.

**[2]** Defendan-defendan yang terdiri dari penjawat awam iaitu pegawai penguatkuasa dari jabatan-jabatan kerajaan, Menteri, Ketua Pengarah, Kementerian atau Jabatan Kerajaan, Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri pula telah menafikan dakwaan plaintif dan menegaskan bahawa pada setiap masa yang berkenaan mereka telah memasuki TG dengan menggunakan kuasa yang ada di bawah undang-undang iaitu Akta Perihal

Dagangan 2011 bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan. Plaintif telah disiasat di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011 (Pindaan P.U.A.53).

**Fakta Kes**

**[3]** Bertindak di atas satu aduan yang diterima oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) melalui satu surat bertarikh 16 Julai 2013 yang tidak mempunyai nama penghantar (dikemukakan di ms. 26 ikatan dokumen bersama - ikatan B), pihak JAIPk bersama-sama dengan Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Perak (PPDNKKP) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan satu operasi bersepadu bagi menjalankan pemeriksaan ke atas premis TG pada 24 Julai 2013. Pasukan operasi yang terdiri dari pegawai penguatkuasa dari PAIPk, PPDNKKP dan JAKIM (pasukan operasi) telah menghadiri satu taklimat yang diadakan di pejabat JAIPk pada jam pukul 8.30 pagi sebelum operasi pemeriksaan dimulakan.

**[4]** Pasukan operasi kemudiannya telah bergerak secara berasingan menuju ke TG dan telah berkumpul di hadapan premis TG. Setelah semuanya berkumpul, pada jam 11.45 pagi, pegawai yang mengetuai operasi telah berjumpa dengan salah seorang pengarah plaintif iaitu Cik Jaswerenjit Kaur (SP1) dan telah memperkenalkan diri sebagai pegawai penguatkuasa yang sedang menjalankan operasi pemeriksaan. Dengan diiringi oleh SP1, pasukan operasi yang dianggarkan seramai 30-35 orang pegawai penguatkuasa telah masuk ke dalam premis TG bagi tujuan menjalankan pemeriksaan.

**[5]** Dalam pemeriksaan tersebut, pasukan operasi telah menjumpai satu banner yang dipamerkan di hadapan premis TG yang tertera perkataan 'Selamat Berbuka Puasa', 'Buffet Ramadhan 2013' dan 'Nikmati Juadah Berbuka Puasa Bersama Tandoor Grill Sepanjang Ramadan Ini' serta risalah-risalah 'Ramadhan Buffet' di kaunter hadapan dalam premis TG. Selain itu turut ditemui minuman keras yang diletakkan bersekali dengan minuman yang lain di satu sudut yang berupa mini bar di kawasan kaunter dalam premis TG. Minuman keras juga dijumpai di dalam peti sejuk di bahagian dapur premis TG. Pemeriksaan oleh pasukan operasi tersebut telah dijalankan di hampir keseluruhan kawasan di dalam premis TG. Turut hadir adalah pemberita yang dijemput oleh JAIPk.

**[6]** Hasil pemeriksaan, pihak KPDNKKP telah menyita satu banner dan 101 helai risalah sebagai barang kes untuk diambil tindakan lanjut. SP1 telah menandatangani dokumen lawatan dan borang sitaan yang disediakan pegawai penguatkuasa dari PPDNKKP. Pemeriksaan tamat pada lebih kurang pada pukul 12.45 tengah hari dan pasukan operasi beredar dari premis TG.

**Dakwaan Plaintif**

**[7]** TG adalah sebuah restoran "fine dining" India, yang terkenal di seluruh negara dan juga di luar negara. TG tidak pernah didaftar sebagai sebuah restoran halal dengan pihak berkuasa berkenaan dan plaintif tidak pernah mengiklan atau menggambarkan TG sebagai menghidang atau membekalkan makanan halal.

**[8]** Pada pukul 11.45 pagi, 24 Julai 2013 defendan-defendan pertama sehingga kesembilan telah melakukan pencerobohan ke atas premis TG apabila masih masuk menjalankan pemeriksaan, walaupun telah dimaklumkan sebelum itu bahawa TG bukan sebuah restoran halal. Mereka telah secara salah di sisi undang-undang dan tanpa alasan bersesak-sesak mengerumuni dewan makan utama, bilik hidangan makanan, dapur dan bilik sejuk beku TG. Mereka telah memasuki bilik sejuk beku tempat penyimpanan daging tanpa kasut yang sesuai dan telah memegang barang yang disimpan tanpa sarung tangan serta mempamirkannya kepada pihak media.

**[9]** Pencerobohan tersebut adalah secara *mala fide* kerana dirancang untuk diadakan pada masa paling sibuk iaitu semasa makan tengah hari sedang disediakan dan TG sedang bersedia melayan pelanggan. Defendan-defendan telah secara degil meneruskan pencerobohan walaupun telah dimaklumkan bahawa TG bukanlah sebuah restoran halal. Sementara itu defendan-defendan turut sengaja menjemput pihak media semasa melakukan pencerobohan walaupun telah dihalang oleh pihak plaintif. Mereka secara terus menerus menceroboh TG untuk tempoh satu jam.

**[10]** Akibatnya plaintif telah mengalami kerosakan dan kecederaan apabila pelanggan membatalkan tempahan, terpaksa membuang daging yang disimpan dalam bilik sejuk beku atas dasar kesihatan. Lebih penting lagi plaintif telah hilang reputasi akibat tindakan *mala fide* pihak defendan-defendan.

**Isu**

**[11]** Di peringkat pengurusan kes, pihak-pihak bersetuju untuk mahkamah menentukan isu liabiliti pihak defendan-defendan terlebih dahulu sebelum isu kuantum ditaksirkan kemudian sekiranya plaintif berjaya membuktikan tanggungan pihak defendan-defendan. Oeh itu mahkamah hanya perlu menentukan sama ada tindakan defendan-defendan yang memasuki premis TG pada hari kejadian adalah secara *mala fide*, terjumlah kepada satu pencerobohan dan dengan itu bertanggungan ke atas kerosakan dan kecederaan yang dialami plaintif.

**Hujahan Pihak Plaintif**

**[12]** Pihak plaintif kuat berpegang kepada fakta bahawa status TG boleh disemak melalui aplikasi atas talian yang disediakan pihak JAKIM. Oleh itu operasi serbuan atau pemeriksaan berkenaan status halal TG adalah tidak

perlu lebih-lebih lagi saksi defendan sendiri, SD5, mengakui tahu akan status tidak halalnya TG sebelum serbuan diadakan. Sudah pastilah akan ditemui barangan tidak halal di dalam premis TG semasa pemeriksaan tersebut. SD5 juga mengesahkan bahawa pihak media telah dimaklumkan oleh pihak JAIPk mengenai serbuan dan mereka hadir menyaksikan dan merakam serbuan tersebut. Selain itu SP5 turut mengesahkan operasi berasaskan satu aduan bertulis dari orang yang tidak diketahui identitinya dan ditegaskan bahawa tindakan defendan-defendan hanyalah berasaskan kepada satu surat layang sahaja. Berdasarkan kepada fakta tersebut, plaintif menegaskan pihak defendan-defendan sememangnya melakukan perbuatan salah iaitu secara *mala fide* menceroboh premis TG semasa melaksanakan operasi pemeriksaan. Peguam plaintif telah merujuk kepada kes *Tan Wee Choon v. Ong Peck Seng & Anor* [1985] 1 CLJ 478; [1985] CLJ (Rep) 798; [1986] 1 MLJ 322 bagi definisi pencerobohan dan kes *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Minister of Home Affairs), Malaysia* [1969] 1 LNS 65; [1969] 2 MLJ 129 bagi menyokong pembuktian *mala fide*. Sementara itu kes-kes *One Visa Sdn Bhd v. Telekom Malaysia Bhd* [2014] 1 LNS 396; [2014] 4 AMR 159 dan *Bukit Lenang Development Sdn Bhd v. Telekom Malaysia Bhd & Ors (No 2)* [2014] 6 CLJ 713; dirujuk bagi menunjukkan sesebuah badan atau agensi semasa menjalankan tugas di bawah undang-undang tidak akan bebas atau terlepas dari tort pencerobohan.

**Hujahan Pihak Defendan-Defendan**

**[13]** Pihak defendan-defendan menegaskan bahawa pencerobohan tidak berlaku apabila pihak penguatkuasa melakukan pemeriksaan berdasarkan kuasa yang diberikan di bawah undang-undang. Malah saksi plaintif sendiri (SP3) tidak mempertikaikan kuasa pegawai penguatkuasa memasuki premis TG untuk menjalankan pemeriksaan tetapi hanya mempersoalkan cara pemeriksaan tersebut dilaksanakan. Undang-undang berkaitan, iaitu Akta Perihal Dagangan 2011 secara jelas memberi kuasa kepada penolong pengawal untuk memasuki mana-mana premis bagi menjalankan pemeriksaan di bawah s. 40. Oleh itu, tidak timbul isu pencerobohan. Kes-kes *Oakfield Enterprises Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd* [1998] MLJU 70, *Ahmad Azam Mohamad Salleh & Ors v. Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia & Ors* [2004] 4 MLJ 86, *Empayar Canggih Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia & Anor* [2010] 9 CLJ 46; [2010] MLJU 652, *Datuk Seri Ahmad Said Hamdan & Ors v. Tan Boon Wah* [2010] 6 CLJ 142; [2010] 3 MLJ 193 disandarkan sebagai rujukan.

**[14]** Berhubung dengan isu *mala fide*, dihujahkan bahawa plaintif berdepan dengan beban pembuktian yang berat bagi membuktikannya. Plaintif hanya merujuk kepada isu jemputan kepada pihak media bagi membuktikan *mala fide* di pihak defendan-defendan. Kes *Anne Lim Keng See v. The New Straits Times Press (M) Bhd & Anor And Other Appeals* [2008] 6 CLJ 697; [2008] 3 MLJ 492 dirujuk yang mana memutuskan bahawa *mala fide* atau 'malice'

dalam undang-undang tort hanya boleh disandarkan kepada tindakan 'malicious prosecution', 'defamation', 'malicious falsehood' dan 'conspiracy' sahaja. Sementara itu pihak media tidak dipanggil oleh defendan pertama hingga kesembilan, sebaliknya dari keterangan yang ada, mereka telah dijemput oleh JAIPk yang bukanlah pihak dalam tindakan plaintif.

**Analisis Dan Dapatan**

**[15]** Asas tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah tort pencerobohan. Perenggan 14 pernyataan tuntutan plaintif menyatakan perihal pencerobohan dan butir-butir pencerobohan. Seterusnya perenggan 15 pernyataan tuntutan plaintif memperihalkan keadaan dan butir-butir yang menunjukkan pencerobohan dilakukan secara *mala fide*.

**[16]** Adalah menjadi tugas pihak plaintif membuktikan dakwaannya. Plaintif yang inginkan penghakiman mahkamah memihak kepadanya berdasarkan kepada kewujudan sesuatu fakta yang ditegaskannya perlulah membuktikan kewujudan fakta tersebut selaras dengan kehendak s. 101 Akta Keterangan 1950. Pihak plaintif telah mengemukakan tiga orang saksi bagi membuktikan tuntutannya.

**[17]** SP1 adalah merupakan salah seorang pengarah plaintif dan ada di TG semasa pemeriksaan dibuat. SP1 turut mengemukakan rakaman CCTV (dikemukakan di ms. 25 ikatan dokumen bersama, ikatan B) yang menunjukkan rakaman video kejadian pada hari tersebut. SP1 dalam keterangannya menegaskan bahawa beliau telah menyatakan status TG yang bukannya sebuah restoran yang halal kepada ketua pasukan pemeriksa, namun mereka bertegas dan tidak menghiraukannya lalu masuk ke dalam premis TG. SP1 juga menghalang pihak media dari memasuki TG tetapi juga tidak dihiraukan. Keadaan menjadi kelam kabut dalam premis TG dengan kehadiran ramainya pegawai penguatkuasa dalam kumpulan tersebut. SP3 adalah bapa kepada SP1 dan juga seorang pengarah plaintif. SP3 bergegas datang ke TG apabila dimaklumkan kehadiran ramai pegawai penguatkuasa di TG. Sekali lagi SP3 memaklumkan status TG dan tidak pernah mengiklankan atau berdaftar dengan pihak berkuasa untuk menyediakan makanan halal. Penjelasan SP3 juga tidak diendahkan.

**[18]** Dari keterangan, pihak plaintif telah membuktikan bahawa pihak defendan pertama hingga kesembilan sememangnya ada memasuki premis TG pada pukul 11.45 pagi 24 Julai 2013 dan beredar lebih kurang sejam kemudian. Persoalannya, adakah perbuatan defendan-defendan yang masuk premis TG walaupun dihalang oleh SP1 serta perlakuan atau tindakan defendan-defendan semasa berada di dalam premis TG adalah satu pencerobohan? Bagi menjawabnya, tujuan kedatangan defendan-defendan memasuki premis TG hendaklah diberi pertimbangan.

**[19]** Pihak defendan telah memanggil lima orang saksi. SD5, Encik Yusri bin Abdul Rani adalah seorang Penolong Pengarah di Unit Pengurusan Halal, JAIPk. SD5 turut menyertai operasi pemeriksaan tersebut tetapi tidak

dinamakan sebagai defendan. Mengikut keterangan SD5, tujuan operasi adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas premis TG yang menawarkan buffet Ramadhan tanpa mendapat pengesahan halal. Pemeriksaan dibuat berdasarkan kerana satu surat aduan bertarikh 16 Julai 3013 yang diterima dari orang awam. Semakan dibuat melalui aplikasi e-halal dan didapati TG tidak disenaraikan sebagai satu restoran yang mendapat pengesahan halal. Susulan itu KPDNKKP dan JAKIM dijemput bersama dalam operasi pemeriksaan. SD5 menyatakan SP1 memberi kebenaran untuk masuk menjalankan pemeriksaan setelah memperkenalkan diri dan dinyatakan tujuan kedatangan mereka.

**[20]** Sementara itu SD3, seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa di KPDNKKP. Dalam keterangannya, SD3 menyatakan bahawa beliau mengetuai pasukan pegawai dari KPDNKKP setelah menerima jemputan menjalankan pemeriksaan di premis TG. SD3 turut mengesahkan bahawa SP1 memberi kebenaran untuk masuk bagi tujuan membuat pemeriksaan. Selain itu, sebagai seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa, SD3 menyatakan beliau boleh di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 masuk mana-mana premis untuk tujuan memeriksa, menggeledah dan menyita tanpa waran.

**[21]** Berdasarkan keterangan pihak defendan-defendan, adalah jelas tujuan operasi adalah bagi menjalankan pemeriksaan di premis TG setelah JAIPk mendapat aduan. Tiga agensi kerajaan bergabung menjalankan pemeriksaan. Sekiranya benar SP1 melarang defendan-defendan dari memasuki premis TG sekalipun, undang-undang, iaitu s. 40 Akta Perihal Dagangan 2011 memberi kuasa kepada Penolong Pegawai Penguatkuasa KPDNKKP untuk masuk membuat pemeriksaan. Namun begitu, dakwaan saksi pihak defendan-defendan yang mengatakan SP1 telah memberi kebenaran masuk ada kebenarannya. Hasil penelitian ke atas rakaman CCTV yang dikemukakan jelas menunjukkan keadaan tersebut. SP1 tidak menunjukkan apa-apa gaya atau perbuatan seperti orang yang menghalang defendan-defendan dari menjalankan pemeriksaan. Tingkah laku SP1 yang turut mengiringi pasukan pemeriksa masuk ke dalam premis TG menyokong keterangan SD3 dan SD5 yang mengatakan telah mendapat kebenaran untuk masuk menjalankan pemeriksaan. Oleh itu, persoalan sama ada defendan pertama hingga kesembilan telah melakukan pencerobohan apabila masuk membuat pemeriksaan hendaklah dijawab secara negatif.

**[22]** Beralih pula kepada niat defendan pertama hingga kesembilan yang dikatakan telah bertindak secara *mala fide* membuat pemeriksaan sehingga pemeriksaan tersebut menjadi pencerobohan, pihak plaintif perlulah membuktikan pengataan tersebut dengan jelas. Dalam hal ini, plaintif hanya bergantung kepada keterangan SP1 dan SP3 yang mengatakan pihak defendan-defendan tidak perlu membuat pemeriksaan ke atas TG kerana TG bukanlah sebuah restoran halal dan tidak pernah diiklankan sebagai halal. Setelah diteliti keterangan yang ada, adalah didapati dakwaan tersebut

ternyata dangkal serta meleset. Hakikatnya keterangan semua saksi defendan mengatakan bahawa hasil pemeriksaan didapati ada sebidang banner yang tertera di antara lainnya perkataan 'Selamat Berbuka Puasa', 'Buffet Ramadhan 2013' dan 'Nikmati Juadah Berbuka Puasa Bersama Tandoor Grill Sepanjang Ramadan Ini' (ms. 6 ikatan B) dibentangkan di dinding bahagian hadapan premis TG dan terdapat risalah-risalah 'Ramadhan Buffet' (ms. 5 dan 5a ikatan B) di bahagian kaunter dalam premis TG. Dilihat pula kepada tujuan pemeriksaan yang dinyatakan SD5, nyata kedatangan defendan pertama hingga kesembilan adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas premis yang menawarkan buffet Ramadhan tetapi tidak ada sijil halal. Bagi menentukan sama ada sesebuah premis yang tidak ada sijil halal itu mempamerkan dirinya sebagai sebuah restoran halal atau tidak, sudah pastinya pemeriksaan secara fizikal perlu diadakan. Semakan atas talian hanya boleh menunjukkan status sesebuah premis makanan itu sahaja dan bukannya boleh menentukan soal pematuhan.

**[23]** Malaysia adalah negara berbilang kaum dan agama. Keharmonian yang dikecapi adalah kerana rakyatnya saling menghormati adat, budaya dan yang lebih penting lagi agama masing-masing. Perkara yang berkaitan dengan makanan mungkin adalah lebih sentitif kepada orang yang beragama Islam. Oleh itu perkara yang berkait dengan makanan halal bagi orang beragama Islam di kawal dengan diperkenalkan undang-undang tertentu. Dalam kes ini, plaintif telah memilih untuk membentangkan banner yang tertera perkataan di antara lainnya 'Selamat Berbuka Puasa', 'Buffet Ramadhan 2013' dan 'Nikmati Juadah Berbuka Puasa Bersama Tandoor Grill Sepanjang Ramadan Ini'. Persoalannya agama manakah yang menganjurkan pengikutnya berpuasa di sepanjang bulan Ramadhan? Jawapannya sudah tentulah agama Islam. Perkataan 'Selamat Berbuka Puasa' dan 'Nikmati Juadah Berbuka Puasa Bersama Tandoor Grill Sepanjang Ramadan Ini' tidak boleh dibuat tafsiran lain selain dari mengatakan perkataan tersebut mengajak orang beragama Islam datang berbuka puasa di TG. Banner tersebut adalah terang-terangan merupakan satu iklan yang menjemput orang beragama Islam datang makan di TG. Sebagai sebuah restoran yang tidak ada sijil halal sudah tentulah dilarang berbuat demikian dan ini mewajarkan pihak defendan-defendan menjalankan pemeriksaan di premis TG.

**[24]** Begitu juga dengan risalah yang turut disita. SP3 mengatakan ianya bukanlah untuk menjemput orang awam memandangkan tempahan untuk berbuka puasa perlu dibuat terlebih dahulu dan memerlukan sekurang-kurangnya tempahan untuk 20 orang. Alasan tersebut juga tidak boleh diterima. Hakikatnya TG masih mempelawa sekumpulan sekurang-kurangnya 20 orang untuk berbuka puasa dan orang-orang tersebut juga merupakan orang yang berpuasa, iaitu orang yang beragama Islam. Walau apa pun tafsiran yang diberikan pihak plaintif, adalah didapati bahawa banner dan risalah yang disita tersebut adalah merupakan iklan yang mempelawa orang beragama Islam datang makan di TG. Oleh itu pemeriksaan yang dijalankan defendan pertama hingga kesembilan adalah wajar dan dibenarkan oleh undang-undang.

**[25]** Beralih kepada perkara berkaitan jemputan pihak media, pihak plaintif mengatakan tindakan itu tidak wajar dan telah memberikan gambaran yang tidak baik kepada TG dan telah menjejaskan reputasinya sebagai restoran yang terkenal baik di dalam atau pun di luar negara. Dalam soal ini, SD5 telah memaklumkan bahawa pihak media turut dijemput menyaksikan pemeriksaan oleh pihak JAIPk. Alasan yang diberikan ialah supaya orang awam terutamanya orang Islam berwaspada dengan tawaran buffet Ramadhan oleh pihak yang diragui status halalnya. Walaupun tindakan JAIPk menjemput pihak media bukanlah satu tindakan yang wajar, adalah didapati bahawa niat jemputan tersebut bukannya untuk memalukan plaintif tetapi hanya satu tindakan bagi mengingatkan orang beragama Islam supaya lebih berwaspada. Oleh itu tindakan tersebut bukannya terjumlah kepada perbuatan *mala fide* yang menyebabkan pemeriksaan yang dijalankan boleh dianggap satu pencerobohan.

**[26]** Adalah menjadi kewajipan mahkamah untuk memberi perlindungan kepada pihak orang ramai dari penyalahgunaan kuasa secara arbitrari oleh pihak penguatkuasa. Raja Azlan Shah HBM (Baginda ketika itu) dalam kes *Pengarah Tanah Dan Galian, Wilayah Persekutuan v. Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd* [1978] 1 LNS 143; [1979] 1 MLJ 135 telah memutuskan:

> ... I read the affidavit of the Chairman, Land Executive Committee as claiming an unfettered discretion to grant or reject any application under section 124 or impose such conditions or other requirements as the Committee think fit. I cannot subscribe to this proposition for a moment. Unfettered discretion is a contradiction in terms. My understanding of the authorities in these cases, and in particular the case of *Pyx Granite* (*ante*) and its progeny compel me to reject it and to uphold the decision of the learned judge. It does not seem to be realised that this argument is fallacious. Every legal power must have legal limits, otherwise there is dictatorship. In particular, it is a stringent requirement that a discretion should be exercised for a proper purpose, and that it should not be exercised unreasonably. In other words, every discretion cannot be free from legal restraint; where it is wrongly exercised, it becomes the duty of the courts to intervene. The courts are the only defence of the liberty of the subject against departmental aggression. In these days when government departments and public authorities have such great powers and influence, this is a most important safeguard for the ordinary citizen: so that the courts can see that these great powers and influence are exercised in accordance with law. I would once again emphasise what has often been said before, that "public bodies must be compelled to observe the law and it is essential that bureaucracy should be kept in its place", (per *Danckwerts LJ in Bradbury v. London Borough of Enfield* [1967] 3 All ER 434 442.)

Oleh itu mahkamah perlu berhati-hati menilai sesuatu tindakan pihak yang diberikan kuasa di bawah undang-undang supaya kuasa tersebut tidak disalah gunakan. Walaupun begitu, dari keterangan yang ada dalam kes ini, adalah didapati tidak wujud keadaan yang boleh menunjukkan pihak defendan

pertama hingga kesembilan melangkaui kuasa yang ada pada mereka. Mereka hanya menjalankan pemeriksaan bagi mempastikan pematuhan kepada undang-undang setelah menerima aduan dari orang awam.

**[27]** Peguam plaintif turut mempersoalkan aduan yang diterima JAIPk. Dihujahkan pihak defendan-defendan tidak sepatutnya bertindak di atas aduan dari orang yang tak dikenali atau dari satu surat layang. Adalah didapati tidak dibuktikan bahawa wujud ketetapan bagi pihak JAIPk, KPDNKKP atau pun JAKIM hanya boleh bertindak berdasarkan aduan yang dibuat secara rasmi dengan adanya nama, nombor kad pengenalan dan alamat pengadu sahaja. Pihak berkuasa berkenaan boleh memulakan pemeriksaan atau penyiasatan ke atas sesuatu aduan yang diterima mengikut budi bicara pihak tersebut.

**Keputusan**

**[28]** Berdasarkan kepada alasan-alasan tersebut, saya mendapati dan memutuskan bahawa di atas imbangan kebarangkalian, pihak plaintif telah gagal membuktikan tanggungan pihak defendan-defendan di bawah tort pencerobohan. Tuntutan plaintif ditolak dengan kos sebanyak RM15,000 dibayar kepada pihak defendan-defendan.